



**KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN**

SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI SERTA ZIKA DI MALAYSIA

(Bagi Minggu 43/2016 dari 23 hingga 29 Oktober 2016)

Tren Demam Denggi menunjukkan penurunan dalam tempoh dua (2) minggu yang lepas. Pada minggu ke-43 tahun 2016, iaitu dari 23 hingga 29 Oktober 2016, sebanyak 1,353 kes telah dilaporkan berbanding 1,462 kes pada minggu sebelumnya iaitu penurunan sebanyak 109 kes (7.5%). Enam (6) negeri yang menunjukkan peningkatan kes berbanding minggu sebelumnya adalah Perak, Melaka, Negeri Sembilan, Sarawak, Sabah dan Terengganu. Jumlah kumulatif kes Demam Denggi dari Januari hingga 29 Oktober 2016 adalah 89,243 kes dan ini menunjukkan penurunan sebanyak 11.3% (11,422 kes) berbanding tempoh yang sama tahun 2015 yang telah melaporkan sebanyak 100,665 kes.

Pada minggu ke-43 juga terdapat tiga (3) kematian yang dilaporkan. Oleh itu, jumlah kumulatif kematian Denggi di Malaysia dari Januari sehingga 29 Oktober 2016 menunjukkan pengurangan sebanyak 27.1% (75 kematian), iaitu 202 kematian berbanding 277 kematian pada tahun 2015.

Selain itu, terdapat penurunan lokaliti wabak Denggi iaitu daripada 534 lokaliti pada minggu sebelumnya kepada 506 lokaliti wabak pada minggu ke-43 dengan peratusan penurunan 2.0%. Lokaliti hotspot juga menunjukkan penurunan daripada 66 lokaliti kepada 55 lokaliti iaitu di

Selangor (48 lokaliti), Kelantan (3 lokaliti), Negeri Sembilan (2) dan masing-masing satu (1) lokaliti di WP Kuala Lumpur & Putrajaya dan Perak.

Tren penurunan kes Demam Denggi adalah hasil komitmen dan kerjasama yang bersepadu daripada semua pihak termasuk masyarakat dalam usaha untuk membendung penularan Demam Denggi. Dalam mengekalkan momentum positif ini, setiap individu dalam masyarakat perlu bersama-sama menjaga kebersihan persekitaran dan memastikan tiada tempat-tempat pembiakan Aedes di persekitaran kawasan kediaman. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengharapkan kerjasama bersepadu ini berterusan bagi menjamin pengurangan kes dan kematian Demam Denggi.

Berdasarkan laporan situasi terkini penyakit Zika yang dikeluarkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pada 27 Oktober 2016, terdapat sebanyak 73 buah negara yang melaporkan jangkitan Zika ketika ini. Bagi situasi di Malaysia pula, masih sebanyak tujuh (7) kes yang disahkan positif Zika telah dilaporkan dari 1 September 2016 sehingga 29 Oktober 2016. Pemantauan surveilan makmal oleh Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan (MKAK) dan Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) dari bulan Jun 2015 sehingga 29 Oktober 2016, turut mendapati keputusan ujian yang negatif bagi 1,462 sampel darah dan air kencing yang telah diuji daripada pesakit yang menunjukkan gejala virus Zika. **Tiada Aedes, Tiada Zika dan Denggi.**



DATUK DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH
Ketua Pengarah Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia

3 November 2016

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 43/2016
(23 hingga 29 Oktober 2016)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan				Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 42/2016		Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 42/2015	
		Minggu 43 (23 Okt –29 Okt 2016)		Minggu 42 (16 Okt –22 Okt 2016)		Kes	Mati	Kes	Mati
		Kes	Mati	Kes	Mati				
1	Perlis	2	0	8	0	155	1	181	1
2	Kedah	15	0	17	0	817	2	770	12
3	P. Pinang	16	0	30	0	2,307	12	4,523	14
4	Perak	85	0	55	0	3,166	9	8,287	22
5	Selangor	602	1	673	2	46,034	69	53,428	110
6	WP KL & Putrajaya	138	0	154	1	7,612	17	6,936	32
7	N. Sembilan	61	0	48	1	2,414	24	1,928	12
8	Melaka	31	1	18	0	1,972	7	1,922	6
9	Johor	74	0	123	0	9,786	19	13,016	38
10	Pahang	69	0	72	0	2,403	7	2,329	11
11	Terengganu	20	1	18	2	1,887	18	1,016	3
12	Kelantan	117	0	133	0	5,197	9	2,410	7
13	Sarawak	59	0	52	0	2,361	6	1,676	3
14	Sabah	64	0	60	0	3,121	2	2,241	6
15	WP Labuan	0	0	1	0	11	0	2	0
	MALAYSIA	1,353	3	1,462	6	89,243	202	100,665	277

* Sumber : Bilik Gerakan Denggi Kebangsaan

Lampiran B

SENARAI LOKALITI "HOT SPOT" SEHINGGA 29 OKTOBER 2016 (Mg 43)

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
1	SELANGOR	Petaling	Tmn Lestari Putra (Lep 7 - Rumah Kedai)	68	125
2	SELANGOR	Petaling	Tmn Lestari Putra (Lep 6)	82	107
3	SELANGOR	Petaling	Kd Pju 5 Seksyen 6 Gugusan Tanjung	50	95
4	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 (Flat B : Blok 13 - 37)	30	88
5	SELANGOR	Petaling	Kota Perdana Kp 4 (Mawar Jaya)	10	88
6	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Bm 6/A Bandar Bukit Mahkota	22	85
7	SELANGOR	Petaling	Tmn Lestari Putra (Lep 5)	15	79
8	WPKL	Cheras	Kem Sg.Besi (Jalan Labuan)	31	79
9	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Tps 3 Taman Pelangi Semenyih	12	71
10	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Perdana 6/2,6/4,6/6,6/8&6/10 Pandan Perdana	11	70
11	SELANGOR	Petaling	Seksyen U2 Teres B (Jln U2/2- U2/13)	28	69
12	SELANGOR	Petaling	Bdr Kinrara 6f (Enggang Apt)	29	69
13	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 (Flat A : Blok 1 - 12, Blok 38 - 43)	21	68
14	SELANGOR	Petaling	BI Pju 8 Apt Flora Damansara 1 (Blok A, B)	14	66
15	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Puncak 5 Taman Puncak Saujana	34	65

16	SELANGOR	Petaling	Bl Pju 10 Apt Rampai Idaman	11	65
17	SELANGOR	Petaling	Seksyen U5 (Subang Bestari Teres A : Jln U5/47 - U5/62)	15	64
18	SELANGOR	Gombak	Tmn Sri Ukay	21	59
19	SELANGOR	Gombak	Appt Residensi Bistaria	12	57
20	SELANGOR	Hulu Langat	Seksyen 6 Bandar Rinching	13	55
21	SELANGOR	Hulu Langat	Venice Hill Condominium	22	54
22	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 2 Taman Cuepacs Batu 12	20	54
23	SELANGOR	Petaling	Tmn Bkt Serdang 11 (The Sanderson Condo)	7	48
24	KELANTAN	Kota Bharu	Padang Bongor	15	48
25	SELANGOR	Petaling	Seksyen 2	8	47
26	SELANGOR	Petaling	Bl Pju 10 Apt Harmoni 2 (D,E,F,G,H,J,K,T,S,R)	18	46
27	SELANGOR	Petaling	Seksyen U10 (Alam Budiman : Jln U10/68 - U10/77b)	7	45
28	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 2/5 Seksyen 2 Bandar Sri Putra	11	43
29	N SEMBILAN	Seremban	Garden Homes (Fasa F)	19	43
30	SELANGOR	Petaling	Du Ss 21 (1)	12	42
31	SELANGOR	Petaling	Seksyen 16 (Flat A : Blok 1 - 4, Blok 9 - 16)	25	40
32	SELANGOR	Petaling	Seksyen U13 (Pangsapuri Seroja)	14	40
33	KELANTAN	Kota Bharu	Pantai Dasar	11	40
34	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Halaman 2-8 5a Taman Halaman	13	39
35	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Minang Cheras	7	39
36	SELANGOR	Petaling	Sri Pjs 10 Apt Subang Ville Ehsan	6	39
37	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 4/8,4/8a-4/8e,4/7,4/7a Tasik Tambahan	8	38

38	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Cerdik Taman Universiti Kajang	18	38
39	SELANGOR	Petaling	Sri Pjs 10 Ridzuan Kondo	7	38
40	SELANGOR	Petaling	Seri Kembangan 7	10	38
41	SELANGOR	Petaling	Tmn Lestari Perdana (Pangsapuri Sri Indah)	23	38
42	SELANGOR	Petaling	Tmn Puchong Intan 1	7	37
43	SELANGOR	Petaling	Kd Pju 5 Seksyen 4 Gugusan Semarak	14	36
44	SELANGOR	Sepang	Taman Seroja	10	36
45	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Cp 1-4 Taman Cheras Prima	8	35
46	SELANGOR	Petaling	Kt Ss 9a 1 (Jln 9a/3,5,6,7,8,9,10,11,12,17,20)	11	35
47	KELANTAN	Kota Bharu	Tok Kenali	23	35
48	SELANGOR	Hulu Langat	Desa 288 Taman Dato Ahmad Razali	9	34
49	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 8/1-15 Seksyen 8 Bandar Baru Bangi	36	34
50	N SEMBILAN	Seremban	Seremban 3	16	34
51	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Watan 3,5,7,9 Taman Sri Watan	5	34
52	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 4/6 Seksyen 4 Bandar Baru Bangi	5	33
53	SELANGOR	Petaling	Seksyen U5 (Mutiara Subang : Pusat Komersial Jln U5/A - U5/D)	4	31
54	SELANGOR	Petaling	Du Ss 21 (Uptown Damansara:Rmh Kedai)	7	31
55	PERAK	Kinta	Tmn Cempaka	5	31

